

25/03/2001

PM minta kekalkan keindahan alam sekitar

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu keindahan alam semula jadi seperti bukit-bukau, pantai, laut dan pulau yang unik di Langkawi, dikekalkan.

Perdana Menteri yang juga tenaga penggerak utama pembangunan di pulau peranginan ini berkata, ini kerana ia aset utama Langkawi sebagai daya tarikan pelancong.

"Segala bentuk pembangunan yang dirancang untuk dilaksanakan perlu mengambil kira kesan terhadap alam sekitar.

"Ia juga perlu menepati dasar dan perancangan yang teliti serta dapat menonjolkan Langkawi sebagai sebuah Bandaraya Pelancongan," katanya dalam buku perutusan sempena pengisytiharan Langkawi Bandaraya Pelancongan yang diedarkan di sini, semalam.

Majlis pengisytiharan itu disempurnakan oleh Sultan Kedah dalam acara penuh gilang-gemilang dan adat istiadat kebesaran diraja Melayu di Laman Marmar, berhampiran Layar Jam di sini.

Serentak itu, Majlis Daerah Langkawi secara rasmi dinaikkan taraf kepada Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) Bandaraya Pelancongan.

Bangga dengan kenaikan taraf daripada MDL kepada MPL Bandaraya Pelancongan, Dr Mahathir yakin Langkawi akan muncul sebagai sebuah destinasi pelancongan utama rantau ini.

(END)